

13/09/1999

Peserta CLC bebas bincang isu perundangan

SHAH ALAM, Ahad - Peserta dan penceramah yang menghadiri Pesidangan Undang-Undang Komanwel Ke-12 (CLC) bermula esok bebas membincangkan sebarang isu perundangan, termasuk mengenai kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Presiden Majlis Peguam Malaysia (MPM), R R Chelvarajah, bagaimanapun menegaskan sebarang perkara yang dibangkitkan mesti relevan dan kena pada tempatnya serta sesuai dengan tajuk perbincangan dan ceramah.

"Kebebasan bersuara diutamakan tetapi pada masa yang sama, hak ini tidak wajar dicabuli dengan tujuan menjadikan forum CLC sebagai gelanggang untuk menyuarakan pendapat peribadi tanpa sebarang asas atau fakta undang-undang.

"Adalah lebih baik serta bermanfaat jika isu seumpama ini dibincangkan secara terbuka dan telus kerana penjelasan terperinci dapat meningkatkan kefahaman umum mengenai perkara itu (isu Anwar)," katanya.

Menurut Chelvarajah, perbincangan mengenai isu Anwar tidak mungkin dapat dielakkan pada sesi ceramah mengenai hak asasi manusia serta kaedah penggunaannya dalam sistem perundangan negara.

"Ini selaras pendirian CLC yang bersandarkan kesinambungan jaminan hak asasi individu serta kebebasan bersuara dalam setiap persidangannya setakat ini," katanya selepas majlis pengundian untuk menentukan jadual pertandingan bahas undang-undang (Moot) sempena CLC di sini, hari ini.

Sementara itu, Naib Presiden MPM, Mah Weng Kwai, berkata sekitar 1,300 peserta asing dan tempatan sudah mendaftar untuk menghadiri persidangan CLC selama empat hari .

"Peluang negara menjadi tuan rumah CLC kali ini perlu dimanfaatkan mereka yang terbabit dalam bidang perundangan tempatan, khususnya golongan peguam muda, bagi meningkatkan kefahaman dalam prosedur undang-undang serantau," katanya.

Persidangan akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok .

(END)